



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 24 APRIL 2020

#### STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **121 kes** yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 dan telah discaj daripada wad adalah sebanyak **3,663 kes** (64.4 peratus daripada jumlah keseluruhan kes). Bilangan kes yang didiscaj hari ini adalah melebihi bilangan kes yang dilaporkan.

#### STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Sehingga 24 April 2020 pukul 12:00 tengah hari, terdapat **88 kes** baharu yang telah dilaporkan. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **5,691 kes**. Oleh itu, **jumlah kes aktif dengan kebolehhangkitan COVID-19 adalah 1,932 kes**. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan.

Sehingga kini, seramai **41 kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU)**. Daripada jumlah tersebut, 18 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Daripada maklumat terkini yang dilaporkan ke Crisis Preparedness and Response Centre (CPRC) Kebangsaan, dukacita dimaklumkan

bahawa terdapat pertambahan **satu (1)** lagi kes kematian berkaitan COVID-19. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **96** kes (1.69 peratus daripada jumlah keseluruhan kes):

- Kes kematian ke-96 (kes ke-2978) merupakan lelaki warganegara Malaysia berumur 61 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit kencing manis, darah tinggi dan penyakit buah pinggang. Beliau mempunyai sejarah kontak rapat dengan kes positif COVID-19 (iaitu kes ke-1345) yang mempunyai sejarah pulang dari negara Indonesia. Beliau telah dirawat di Hospital Sungai Buloh, Selangor pada 31 Mac 2020 dan disahkan meninggal dunia pada 24 April 2020 jam 2.29 pagi.

KKM mengucapkan takziah kepada ahli keluarga beliau.

## **PELANJUTAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) FASA KEEMPAT**

Seperti yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri malam tadi, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akan dilanjutkan ke fasa keempat dari 29 April 2020 sehingga 12 Mei 2020. Sepanjang tempoh pelaksanaan PKP fasa ketiga ini, kita telah melihat tren jumlah kes baharu COVID-19 yang lebih terkawal tanpa kenaikan yang mendadak. Ini sememangnya membantu pihak KKM untuk terus mempunyai kapasiti sama ada di lapangan atau di hospital untuk terus mengenalpasti, menyaring, mengasingkan dan merawat kes-kes COVID-19.

Justeru itu, KKM menyambut baik pengumuman oleh YAB Perdana Menteri bagi pelanjutan dua (2) minggu PKP ini yang akan terus memberi ruang kepada Kerajaan memerangi penularan COVID-19 ini secara habis-habisan, sebelum dapat dinilai semula tahap keberkesanan serta keadaan semasa jangkitan COVID-19. Pihak KKM juga dapat meneruskan tindakan sedia ada, serta menggiatkan lagi usaha mengurangkan kes positif COVID-19 di Malaysia melalui pendekatan tertumpu (*targeted approach*).

Tindakan-tindakan ini dapat dijalankan dengan lebih berkesan dengan bantuan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan juga Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD). Misalnya, PKPD di lapan (8) kawasan setakat ini telah dapat mengenalpasti sebanyak 618 kes positif COVID-19 (10.9 peratus daripada keseluruhan kes COVID-19).

Oleh itu, rakyat Malaysia perlulah menyesuaikan diri dengan norma baru dalam kehidupan seharian kita seperti:

- Patuh kepada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP);
- “*Stay at home*” kecuali bagi mereka yang bekerja dalam sektor yang dibenarkan serta bagi urusan-urusan penting yang dibenarkan;
- Amalan kebersihan diri yang tinggi pada setiap masa dengan kerap mencuci tangan dengan menggunakan air dan sabun;
- Amalan jarak sosial selamat (*social distancing*) iaitu sekurang-kurangnya 1 meter dari orang lain.

Selain itu, seperti yang diketahui umum, fasa keempat akan menyaksikan beberapa kelonggaran dalam kawalan pergerakan secara bertahap dalam beberapa sektor termasuk sektor ekonomi. Sehubungan itu, adalah amat penting bagi majikan dan pekerja sektor-sektor berikut supaya sentiasa ikut amalan yang betul di tempat kerja masing-masing seperti:

- Elakkan berada di kawasan yang sesak (***crowded space***);
- Elakkan berada di kawasan yang tertutup (***confined space***) secara beramai-ramai pada masa yang sama, seperti di ruang makan (*pantry*) di tempat kerja;
- Kekalkan jarak 1 meter ketika cakap bersemuka dengan orang lain (***close conversation***).

## **KESELAMATAN MAKANAN SEMPENA BULAN RAMADAN**

KKM menyarankan kepada pihak yang terlibat dalam perniagaan makanan secara atas talian (*online*) termasuklah pengusaha, pengendali makanan dan penghantar makanan supaya sentiasa

mengamalkan kebersihan diri dan mematuhi garis panduan yang telah dikeluarkan oleh pihak KKM (<http://fsq.moh.gov.my/v6/xs/page.php?id=441000617>) . Ini untuk memastikan makanan yang disediakan kepada pengguna adalah selamat. Selain itu, mereka juga dinasihatkan untuk sentiasa mengamalkan jarak sosial yang selamat (*social distancing*) semasa penghantaran makanan.

Pada tahun 2019 terdapat sebanyak 516 kejadian keracunan makanan yang melibatkan 16,583 kes berpunca dari pengendalian makanan yang tidak bersih dan selamat. Daripada jumlah keseluruhan tersebut sebanyak 34 kejadian keracunan makanan telah berlaku pada bulan Ramadan 2019 yang melibatkan 1,032 kes. Sehubungan itu, orang ramai hendaklah sentiasa memastikan keselamatan makanan semasa membeli atau menyediakan makanan untuk diri sendiri dan ahli keluarga.

Pihak KKM juga ingin menasihatkan orang ramai supaya sentiasa mengamalkan kebersihan dalam penyediaan makanan di rumah bagi mengelakkan keracunan makanan. Sentiasa amalkan konsep “Lihat, Hidu, dan Rasa” semasa bulan Ramadan sebelum menikmati juadah berbuka dan bersahur, untuk memastikan makanan tersebut selamat dimakan.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian COVID-19 melalui segala maklumat yang diperolehi dan akan dimaklumkan kepada rakyat dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

**DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

24 April 2020 @ 4.30 petang

**LAMPIRAN 1****BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA  
(SEHINGGA 24 APRIL 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN KES BAHARU *</b>	<b>BILANGAN KES KUMULATIF</b>
<b>PERLIS</b>	<b>0</b>	<b>18</b>
<b>KEDAH</b>	<b>0</b>	<b>95</b>
<b>PULAU PINANG</b>	<b>0</b>	<b>119</b>
<b>PERAK</b>	<b>0</b>	<b>252</b>
<b>SELANGOR</b>	<b>18 (2)</b>	<b>1,387</b>
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	<b>2</b>	<b>433</b>
<b>MELAKA</b>	<b>3 (2)</b>	<b>192</b>
<b>JOHOR</b>	<b>4 (3)</b>	<b>655</b>
<b>PAHANG</b>	<b>1</b>	<b>287</b>
<b>TERENGGANU</b>	<b>0</b>	<b>110</b>
<b>KELANTAN</b>	<b>0</b>	<b>155</b>
<b>SABAH</b>	<b>2</b>	<b>311</b>
<b>SARAWAK</b>	<b>9 (6)</b>	<b>468</b>
<b>W.P. KUALA LUMPUR</b>	<b>49</b>	<b>1,115</b>
<b>W.P. PUTRAJAYA</b>	<b>0</b>	<b>78</b>
<b>W.P. LABUAN</b>	<b>0</b>	<b>16</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>88 (13)</b>	<b>5,691</b>

\*( ) adalah merujuk kepada kes-kes import